



**TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR
PROGRAM MENTERI BESAR BERSAMA WARGA OKU
AHAD, 28 OGOS 2022**

Assalamualaikum dan Salam Perak Sejahtera

[SALUTASI]

- Saya ingin mulakan dengan merafakkan rasa syukur yang setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT. Kerana sesungguhnya, hanya dengan limpahan rahmat dan keizinan-Nya, kita semua berpeluang untuk berkumpul pada hari ini **Program Menteri Besar Perak Bersama Warga OKU.**
- Terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mengatur, menyusun dan memastikan perjalanan program pada hari ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

- Kerajaan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan OKU. Malah **sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan golongan OKU terutamanya dalam agenda Pelan Perak Sejahtera 2030**. Menyantuni golongan OKU adalah keutamaan Kerajaan Negeri Perak.
- Sesuai dengan **Nilai Bersama Perak Sejahtera 2030** iaitu **KEBERSAMAAN** yang memastikan kesepakatan sentiasa dipupuk dan dipelihara di samping meraikan setiap perbezaan. **Lebih banyak ruang dan peluang perlu diberikan untuk memastikan OKU terlibat dengan agenda pembangunan negeri**.
- Usaha ini dapat telah kita realisasikan dengan beberapa dasar, antaranya **Negeri Perak menjadi negeri pertama melancarkan Dasar Pembangunan Sukan OKU pada 6 April 2022**. Dasar ini melibatkan enam strategi iaitu memperkukuh struktur pentadbiran atlet para negeri dan memperkasa program pembangunan atlet para.
- **Sebanyak RM 700,000 diperuntukkan** bagi dasar ini. Peruntukkan ini melibatkan aspek fasiliti kondusif, memantapkan sistem kejurulatihan, kepegawaian, penganjuran dan penyertaan kejohanan.
- Selain itu, melalui agensi Pusat Aspirasi Anak Perak melancarkan sebuah program khusus kepada golongan OKU iaitu **Program TVET OKU**. **Negeri Perak menjadi perintis kepada program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dengan menyediakan peruntukkan khas RM 200,000**. Agensi PASAK menyediakan lima program iaitu

refleksologi, salun dan guntingan rambut, teknologi maklumat, jahitan dan pastri.

IMPAK COVID 19 TERHADAP NEGERI PERAK

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- Alhamdulillah, hari ini genap tiga bulan kita memasuki fasa endemik selepas lebih dua tahun kita semua hidup dalam situasi sukar pandemik COVID19. Saya ingin membawa anda semua mengimbau kembali saat-saat kritikal semasa pandemik mengganas, sama ada kita suka atau tidak, pandemik COVID19 telah meninggalkan impak begitu besar terhadap setiap daripada kita yang ada dalam majlis pada hari ini.
- Sektor **ekonomi** mengalami impak terbesar apabila barisan pentadbiran ketika itu membuat keputusan sukar untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan kita semua terpaksa duduk di rumah, sekaligus segala operasi perniagaan terhenti serta merta dalam tempoh yang panjang.
- Untuk makluman semua, statistik menunjukkan kesan daripada penguatkuasaan PKP telah menyebabkan **lebih 80,000 usahawan negeri Perak terpaksa menutup perniagaan mereka, gulung tikar**. Hasil perniagaan merudum, pemilik perniagaan tidak lagi mampu membayar sewa premis perniagaan dan lebih buruk terpaksa memberhentikan pekerja. Usahawan-usahawan ini terdiri daripada kategori usahawan miko, perusahaan kecil dan sederhana serta yang berpendapatan rendah.

- **Seperti kesan domino**, apabila segala aktiviti ekonomi dihentikan, syarikat-syarikat terpaksa gulung tikar, pekerja kehilangan kerja dan berlaku masalah pengangguran yang besar. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan, **kadar pengangguran di negeri Perak pada suku tahun ketiga 2021 adalah 4.8 peratus** atau melibatkan sekitar 53,000 orang. Kadar ini merupakan satu lonjakan besar berbanding hanya 3.4 peratus pengangguran yang direkodkan pada 2019, iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.
- Penguncupan ekonomi susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bukan sahaja meningkatkan angka pengangguran dan menjadikan kuasa beli rakyat menurun ekoran penutupan aktiviti perniagaan, malah **kutipan hasil negeri merosot** dengan begitu ketara. **Kerajaan Negeri Perak mencatatkan perbelanjaan defisit sebanyak RM 77.4 juta buat pertama kali dalam tempoh 12 tahun pada tahun 2020 kesan pandemik COVID19**. Dalam konteks pungutan hasil kerajaan negeri, jumlah terima hasil tahun 2020 mencatat penurunan sebanyak 10 peratus iaitu RM 111.4 juta berbanding tahun 2019.
- Pandemik COVID 19 juga telah menyebabkan **implikasi sosial** yang sangat serius. Ada yang tertekan hidup terkurung berbulan lamanya tanpa pendapatan. Ada pula ketua keluarga yang pendapatannya jauh berkurangan kerana dipotong gaji. Ramai yang berasa tidak selamat dari segi kewangan untuk meneruskan kehidupan. Tekanan yang tidak terbendung mendorong kepada krisis rumah tangga sehingga akhirnya membawa kepada

perceraian dan kes keganasan rumah tangga.

- Mengikut data Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mencatatkan **551 kes keganasan rumah tangga semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**. Sebanyak 277 kes dicatatkan pada Mac hingga Disember 2020, manakala bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021 pula sebanyak 274 kes direkodkan.

PERAK BANGKIT KEMBALI

- Pandemik COVID19 memberi sebuah pengajaran berharga iaitu **kita tidak boleh leka atau business as usual, kita perlu dalam sentiasa mode bersedia dan berfikiran selangkah ke hadapan.** Kalau kita gagal untuk merancang, kita merancang untuk gagal.
- **Ditakdirkan Allah SWT, saya diberi kepercayaan untuk memimpin negeri ini ketika pandemik COVID19 sedang memuncak.** Melihat kepada betapa teruk rakyat terkesan ketika itu, **saya memasang tekad serta iltizam yang tinggi untuk tidak akan terus membiarkan perkara ini terus berlaku.** Maka dengan itu saya membuat keputusan bahawa keperluan negeri mempunyai satu pelan pembangunan strategik bagi memulihkan kembali ekonomi negeri ini.
- Saya memberi **mandat penuh kepada Institut Darul Ridzuan (IDR) untuk menerajui sebuah pelan pembangunan strategik** yang menetapkan dasar-dasar strategik bagi menjadikan Perak sebagai negeri maju, berdaya saing dan mampan. Kerajaan negeri menjalankan Bengkel Kerangka Pembangunan Perak Sejahtera

2030 pada 1 dan 4 Mac 2021.

- Seterusnya, pada **29 Mac 2021**, kerajaan negeri telah melancarkan sebuah **Roadmap Pelan Perak Sejahtera** melibatkan **empat (4) fasa yang mengambil 12 bulan** bagi memeta dan membina kerangka pelan pembangunan tersebut. Sesi libat urus yang pertama hanya melibatkan pihak pentadbiran di pelbagai peringkat.
- Kemudian, saya dan rakan-rakan **turun padang** ke setiap mukim dan daerah dan bertemu dengan pelbagai lapisan rakyat untuk mendapatkan input bagi merangka pelan ini.
- Kita mengambil input-input daripada pelbagai golongan - orang muda, pesara kerajaan, kakitangan awam dan swasta, para guru, petani, penternak dan nelayan, peniaga dan usahawan kecil sehinggalah pemimpin setempat, sama ada di kota maupun desa.
- Setakat ini, sebanyak **118 sesi libat urus** telah dilaksanakan oleh IDR dengan pelbagai pihak untuk mengumpul pandangan rakyat untuk memeta Perak Sejahtera 2030.

CABARAN PERDANA

Dapatan daripada hasil turun padang bersama pelbagai segmen masyarakat, kita telah mengenal pasti beberapa cabaran perdana yang dihadapi oleh negeri Perak. Antaranya:

Migrasi

- Laporan Survei Migrasi Malaysia 2010-2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan **aliran negatif migrasi bersih negeri Perak**. Ia bermaksud aktiviti migrasi keluar lebih tinggi daripada migrasi masuk.
- Sepanjang satu dekad sejak tahun 2011 hingga 2020, seramai **124,100 anak Perak** berhijrah atas alasan kerjaya.
- Kesan daripada penghijrahan anak Perak ke luar ialah berlakunya **'brain drain'** ataupun kekurangan bakat dan sumber manusia yang merupakan keperluan penting bagi kegiatan ekonomi di negeri Perak.

Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah (B40)

- Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Negeri Perak yang mempunyai bilangan B40 tertinggi iaitu **57.8 peratus** daripada bilangan isi rumah di Perak dengan jumlah median pendapatan RM 4,111.90 pada tahun 2019.

Masyarakat Menua

- Negeri Perak mencatatkan **peningkatan warga tua dari 7.7 peratus kepada 8.9% dalam tempoh 2010 sehingga 2020.**
- Ini adalah **akibat penghijrahan anak muda ke luar negeri**, yang tinggal hanya golongan warga emas. Ia menuntut **kesediaan** kita dalam aspek kesihatan, pendidikan, kewangan, produktiviti dan tenaga buruh.

Ketersediaan Menghadapi Era Pendigitalan

- Kerajaan perlu menguasai jurang pendigitalan pada masa kini selaras dengan perubahan norma baharu COVID19.
- Mempersiapkan negeri Perak mengharungi era revolusi digital yang semakin penting.

5 KEPERLUAN RAKYAT

1. Pembangunan Modal Insan & Belia
2. Peluang Pekerjaan Berkualiti
3. Pemilikan Rumah
4. Bekalan Makanan Mencukupi
5. Kesihatan dan Kesejahteraan

Dengan menetapkan **TIGA (3) sasaran** iaitu **Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Politik:**

- **Sejahtera Sosial** bermaksud kita mahu memastikan kualiti kehidupan rakyat dijadikan keutamaan melalui penetapan tiga indikator utama kesejahteraan sosial iaitu pengurusan keperluan hidup, peluang mobiliti sosial dan pengurusan masalah sosial.
- **Sejahtera Ekonomi** akan memberi fokus kepada pengurusan sumber iaitu sumber insan, sumber buatan dan sumber alam secara cekap, berkesan serta lestari. Ini bagi memastikan negeri ini boleh mengoptimumkan peluang dan potensi ekonomi sehingga akhirnya memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.
- **Sejahtera Politik** pula komitmen untuk kita mewujudkan **kestabilan dalam berkerajaan**. Ini dapat dilakukan dengan membudayakan politik matang tanpa meminggirkan tanggungjawab menegakkan konsep semak dan imbang. Rakyat juga berhak mendapat sebuah pentadbiran yang stabil, telus dan cekap dalam menguruskan hasil dan perbelanjaan.

PERLANCARAN PERAK SEJAHTERA 2030

Justeru, pada 15 Jun lalu, saya telah melancarkan pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 yang akan memandu arah jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dalam tempoh lapan tahun akan datang dengan **matlamat “Perak Makmur, Rakyat Sejahtera”**,

- Dengan tujuan “Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mapan, Inklusif dan Dinamik”, pelan ini menggariskan **ENAM (6) agenda**:

I. Sekuriti Makanan

Memperkukuh sekuriti makanan dalam negeri adalah komitmen utama negeri Perak. Usaha ini akan dapat dilakukan dengan merangkul kekuatan jabatan, agensi dan GLC berkaitan pertanian dan penternakan menjadikan negeri Perak sebagai hab pengeluaran produk makanan utama negara. Sekuriti makanan di bawah **Flagship Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan)**;

1. Hab Daging Halal Antarabangsa, Perak International Agro Fest, Hab Agro Pelancongan dan Akademi Sekuriti Makanan.

Peneraju bagi Flagship Lembah Bakul Makanan Malaysia ialah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan MARDI.

- **RM 5 juta** diperuntukkan untuk memulakan **Projek Pembangunan Hab Daging Halal di Lekir, Setiawan dan Behrang, Tanjung Malim.**
- **RM 3.1 juta untuk kempen Kebun Kita pada tahun 2021** sebagai usaha menggerakkan agenda memperkasa aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat.
- **Pusat Pemasaran Agro Makanan FAMA di Manong** adalah usaha menjadikan negeri Perak sebagai hub makanan terbesar. Berfungsi sebagai model perniagaan dan rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi.

II. Memacu Ekonomi Digital

Memantapkan proses digitalisasi yang akan menjadi enjin ekonpmi masa depan. **Flagship Ekonomi Digital Negeri Perak** menyenaraikan lima program iaitu:

1. **Konsortium Pembangunan Pakar Ekonomi Digital** yang diterajui oleh Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan Peneraju Kemajuan Negeri Perak (PKNPk).
2. **Pusat Kecemerlangan Analitis Data Raya** yang diterajui oleh Institut Darul Ridzuan (IDR).
3. **Karnival Pendigitalan Pendidikan** yang diteraju oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Institut Darul Ridzuan.
4. **Akademi E-Sukan** yang diteraju oleh Jabatan Belia Sukan Negeri (JBS), Majlis Sukan Negeri (MSN) dan Institut Darul Ridzuan.

III. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data

Data merupakan aset penting bagi kerajaan untuk memastikan keputusan lebih bersasar dan tepat. Oleh itu, kesejahteraan boleh dicapai dengan lebih berkesan berdasarkan fokus yang lebih inklusif dan responsif. Berdasarkan data, kerajaan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan keberkesanan dalam perbelanjaan awam dan dapat membuat keputusan yang lebih tepat merentasi keseluruhan sektor awam.

Inisiatif: Kerajaan Negeri Perak menubuhkan 'SkuadUp2Date' bagi memastikan kecekapan kemaskini maklumat data e-Kasih

IV. Koridor TVET Malaysia

Kewujudan banyak institusi latihan kemahiran merupakan kekuatan negeri Perak dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Bagi memperkasa pembangunan tenaga kerja, Koridor TVET Malaysia akan diperkenalkan sebagai hab pendidikan teknikal di negeri Perak dan di Malaysia di lima daerah iaitu, **Perak Tengah, Kinta, Manjung, Larut Matang & Selama dan Kuala Kangsar.**

Melalui Flagship Koridor TVET Malaysia:

- **Penubuhan Majlis TVET Perak** yang diterajui oleh Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Institut Darul Ridzuan.
1. **Konsortium Pembangunan Kemahiran Profesional** yang diterajui oleh PASAK dan PKNP.
 2. **Latihan Modular Pacuan Industri** diterajui oleh PASAK.

Contoh kategori TVET: Bidang pendawaian elektrik, dandan rambut, hospitaliti dan kulineri.

Inisiatif: RM 4 juta diperuntukkan tahun ini oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Program TVET untuk program latihan kemahiran bagi memperkasa agenda satu warga satu skil.

V. Perlombongan Lestari

1. Melalui Flagship Perlombongan Mapan akan menubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Mineral (Centre Of

Excellence for Mineral Research) di bawah PKNP.

2. Peneraju Nilai Rantaian Mineral Rantau Asia juga dibawah PKNP.
3. **Mineral Baharu Lantanid ditemui di Hulu Perak.** Telah mendapat kelulusan Environment Impact Assessment (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar.

VI. Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri

- Tadbir urus projek berkepentingan negeri harus diperkasakan bagi memberi keyakinan kepada bakal pelabur dan pelabur sedia ada untuk terus memilih negeri Perak sebagai destinasi pelaburan pilihan.
- Bagi mencapai agenda ini, perancangan keseluruhan, pengawalan dan koordinasi sesuatu projek berkepentingan kerajaan perlu memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan. Sebelum sesuatu projek berkepentingan negeri dimulakan, ia perlu melalui proses penilaian kebolehlaksanaan bagi mengelakkan projek berkepentingan Kerajaan Negeri gagal disiapkan mengikut jadual atau terbengkalai.
- Penilaian dan penyelarasan projek harus melalui penilaian wajar (due diligence) bagi mencapai matlamat pelaksanaan sesuatu projek pembangunan negeri. Pengurusan projek berkepentingan negeri ini penting untuk memastikan pengurusan dana awam dilaksanakan secara efisien dan

efektif.

- **Insentif:** Kerjasama syarikat Vale dan Invest Perak tarik pelabur dari negara Amerika Latin dan Caribbean besi setahun. Pelaburan AS 1.4 billion dalam TMRT kekal sebagai FDI tunggal terbesar di Perak.

TAWARAN PERAK SEJAHTERA DI BAWAH PROGRAM FLAGSHIP KEPADA WARGA OKU

Flagship Program Menyantuni Golongan Rentan

Program untuk golongan ini diadakan untuk mengangkat keperluan dan kesejahteraan golongan rentan bagi memastikan kesejahteraan dapat dinikmati bersama.

1) Age-Friendly City

Projek rintis ke arah mewujudkan Age-Friendly City atau bandar mesra usia di Taiping. Ia merupakan satu instrumen yang menggabungkan peranan setiap individu dalam komuniti dan masyarakat setempat agar persekitaran yang didiami bebas halangan dan selamat di samping mewujudkan sistem sokongan yang berkesan untuk semua pihak. Projek ini turut membolehkan masyarakat mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti komuniti dan menyantuni masyarakat tanpa mengira umur. Peneraju: Majlis Perbandaran Taiping (MPT), World Health Organization (WHO) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)

2) Program Sanjung

Program ini akan menggunakan elemen inovasi sosial dalam menjamin imbal balas ekonomi kepada negeri. Matlamat utama program ini adalah

untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial warga tua. Antara projek yang disarankan adalah pemberian insentif baucar kepada ibu bapa sebagai galakan keluarga berbelanja dalam negeri.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

3) Majlis Tindakan OKU (MTO)

Platform ini diwujudkan untuk menggerakkan pelaksanaan dasar dan inisiatif mesra OKU di negeri Perak. Badan ini akan memfokuskan aktiviti-aktiviti berkaitan penggubalan dasar-dasar baharu, pemerkasaan OKU dan program kesedaran kepada masyarakat dan pemegang taruh.

Peneraju: Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Institut Darul Ridzuan (IDR).

4) Program Kepimpinan dan Ikhtisas Wanita

Projek ini diusulkan untuk memperkasa dan membangunkan keupayaan wanita sebagai sumber insan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat di negeri Perak.

Peneraju: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

**FLAGSHIP PEMBOLEHDAYAAN MODAL INSAN DAN
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Hadirin dan hadirat dikasihi,

- Kita perlu menumpukan segala upaya untuk memperkasa kehidupan rakyat memberi fokus kepada nilai berteraskan pendidikan, kemahiran, pendigitalan dan usahawan. Kitaran ekonomi perlu dipulihkan, dan pemulihan perlu bermula daripada sebuah keluarga dan komuniti, '***building the state, one family at a time***'.

- Maka Perak Sejahtera 2030 menawarkan program berikut dibawah ***Flagship Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat;***

I. 1 Warga, 1 Skill;

Projek ini beriltizam untuk memperkasa latihan dalam bidang teknikal dan profesional supaya lebih ramai masyarakat menjadi pakar dalam pelbagai bidang dan menguasai kemahiran kerjaya masa hadapan.

II. 1 Keluarga, 1 Ijazah;

Projek ini bertujuan menggerakkan inisiatif menjadikan pendidikan sebagai kunci keluar daripada cengkaman kemiskinan. Pelbagai pendekatan akan dilaksanakan termasuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak dan memberi pendedahan bersasar kepada belia B40 mengikut kecenderungan dan minat.

III. 1 Keluarga, 1 Usahawan;

Projek ini menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya belia yang mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan atau pusat kemahiran tempatan bagi menaik taraf hidup dan ekonomi setempat.

IV. 1 Daerah, 1 Aktiviti Ekonomi; dan

Projek ini dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi yang dijalankan berdasarkan komuniti setempat. Ia boleh memberi manfaat langsung berasaskan produk unik yang beridentiti sesebuah daerah di samping melonjakkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing.

V. 1 DUN, 1 Pusat Digital Ekonomi (PEDI)

Projek ini akan membuka peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi digital.

- Kelima-lima program ini akan mengenal pasti bakat dan kebolehan di peringkat akar umbi tanpa mengira perbezaan ras, umur dan gender.

NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH

1. Di samping itu, kerajaan juga akan terus memfokuskan kepada pembangunan ekonomi secara bersasar mengikut daerah. Isu ketidakseimbangan pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar tidak akan lagi berlaku. Insya-Allah dengan fokus pembangunan ini bagi mewujudkan kesan limpahan ekonomi dan kesejahteraan yang akan dinikmati bersama.

2. Penjenamaan daerah-daerah di negeri Perak dilaksanakan mengikut keistimewaan dan potensi penting dalam memacu pertumbuhan dan membangunkan daerah yang seterusnya menjadi hala tuju dalam melonjakkan pertumbuhan. Potensi yang dimiliki oleh daerah-daerah menjadi penanda aras kepada perancangan pembangunan di peringkat pentadbiran daerah.

3. Dalam rancangan projek berimpak tinggi di daerah-daerah di Perak, kerajaan negeri bercita-cita untuk melihat sebuah pembangunan yang saksama di antara daerah menjelang tahun 2020. Pembangunan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Ipoh atau Taiping, namun sehingga ke pelusuk kampung di negeri ini.

4. Bagi mencapai matlamat ini, Perak Sejahtera 2030 telah **menjenamakan semula potensi daerah** seperti berikut:
 - I. Daerah Hulu Perak - Mengarusperdanakan Ekonomi Berteraskan Biodiversiti
 - II. Daerah Kerian - Transformasi Jelapang Padi
 - III. Daerah Larut Matang & Selama - Hab IKS Pintar

- IV. Daerah Kinta - Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara
- V. Daerah Perak Tengah - Koridor TVET Malaysia
- VI. Daerah Kuala Kangsar - Pelancongan DiRaja Global
- VII. Daerah Kampar - Ekopelancongan
- VIII. Daerah Manjung - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara
- IX. Daerah Bagan Datuk - Persada Kelapa Dunia
- X. Daerah Hilir Perak - Lembah AgroMakanan
- XI. Daerah Batang Padang - ASEAN Agrotech Distribution Centre
- XII. Daerah Mualim - Hab Inovasi Teknologi Automotif

UNJURAN 3P PERAK SEJAHTERA : PEKERJAAN, PERUMAHAN & PELABURAN

Oleh itu, saya simpulkan keberhasilan yang akan kita capai dalam Perak Sejahtera 2030 yang inklusif, realistik dan boleh capai ini melalui tiga P.

I. P yang pertama ialah **peluang pekerjaan**. Kita unjurkan **1.2 juta peluang pekerjaan baharu** dalam pelbagai sektor terutamanya tenaga kerja berkemahiran tinggi (high skill worker) untuk memenuhi pasaran pekerjaan akan datang.

II. P yang kedua ialah **perumahan mampu milik untuk rakyat**. Kita unjurkan penyediaan 28,322 rumah mampu milik kepada rakyat Perak sehingga tahun 2023.

III. P yang ketiga ialah **pelaburan**. Kita jangka, melalui pelan ini, Perak akan menarik pelaburan berjumlah RM47 billion.

KESTABILAN DAN PERPADUAN KUNCI KEJAYAAN

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

- Kesemua yang dirancang dalam **Pelan Perak Sejahtera 2030** hanya mampu kerajaan negeri realisasikan dengan mempunyai **kestabilan dari segi pentadbiran**. Hanya dengan kestabilan membolehkan kerajaan negeri menumpukan sepenuhnya kepada pelaksanaan Pelan Perak Sejahtera 2030.
- Pelan ini tidak bersifat statik, tetapi dinamik dengan mengambil kira perkembangan dan situasi semasa. Ia memerlukan komitmen berterusan kerajaan. **Its continuous efforts.**
- Sehingga kini, proses libat urus masih dijalankan. Kolaborasi antara Negeri dan Persekutuan terus dilakukan untuk pastikan setiap perancangan dalam pelan ini dapat sama-sama dijayakan.
- Saya harap tuan-tuan dan puan-puan **terus memberi sokongan dan dokongan kepada kerajaan negeri yang ada pada hari ini** untuk meneruskan dan menjayakan apa yang telah sama-sama kita mulakan.

RUMUSAN

- Pelan ini hanya akan terlaksana dengan jayanya apabila perancang, pembuat dan pelaksana polisi dan rakyat Perak mempunyai daya pemikiran kelas pertama. Oleh itu, cabaran utama negeri ialah untuk menyejajarkan pemikiran pentadbir dan rakyat Perak bertaraf kelas pertama.

- **Perubahan tingkah laku (behavioural change) terutamanya minda dan sikap rakyat Perak** amat signifikan kerana negeri Perak memiliki keistimewaan, kelebihan dan kekuatan daripada segi bilangan sumber manusia, sumber buatan dan sumber alam. Perubahan tingkah laku insan kelas pertama menjamin kelebihan yang ada dapat digarap untuk mencapai maksud matlamat, tujuan dan sasaran Perak Sejahtera 2030.
- Natijahnya, rumusan terpenting dan cadangan Perak Sejahtera 2030 ialah terdapat keperluan terhadap perubahan tingkah laku rakyat Perak ke arah:

Minda Kelas Pertama dalam Pemilikan Sumber Kelas Pertama.